

# Korean Wave di Malaysia Semasa Pandemik COVID-19: Impak dan Persepsi

Nur Shamimi Aida Binti Badrul Hisham  
Mohd Syuhaidi Abu Bakar\*  
Universiti Teknologi MARA, Malaysia

\*Emel perhubungan: syuhaidi@uitm.edu.my

## Abstrak

*Kajian ini telah menganalisis impak Korean Wave terhadap masyarakat Malaysia ketika pandemik COVID-19 serta persepsi masyarakat Malaysia terhadap Korean Wave ketika pandemik COVID-19. Korean Wave ini sememangnya telah menjadi fenomena sejak berdekad lalu di negara kita. Korean Wave ini bukan sahaja telah mempengaruhi dari segi hiburan di Malaysia tetapi juga telah mengubah selera masyarakat Malaysia dalam banyak hal. Antaranya, dalam industri fesyen, industri pemakanan dan industri kecantikan. Korean Wave ini telah membawa banyak impak positif dan negatif kepada masyarakat di Malaysia ketika musim pandemik COVID-19. Selain itu, Korean Wave juga telah meninggalkan persepsi yang pelbagai dalam kalangan masyarakat Malaysia. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dan telah menggunakan kaedah secara temu bual bersama 10 orang Informan di Malaysia yang terdedah kepada Korean Wave semasa pandemik COVID-19. Dapatan kajian mendapati terdapat pelbagai perspektif terhadap impak dan persepsi terhadap Korean Wave dalam masyarakat di Malaysia ketika pandemik COVID-19.*

**Kata Kunci:** *Impak, Persepsi, Korean Wave, COVID-19*